

## **Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual**

*Calligraphy (Khat) in Mihrab of the State Mosques  
in Malaysia and its Relationship to Visual Arts*

**Ridzuan Hussin**  
**Asmahan Mokhtar**  
**Abdul Razak Abdul Jabbar**  
Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
ridzuan@fskik.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Khat merupakan hasil seni visual yang paling cantik, gah dan buktinya dapat dilihat dalam kitab suci Al-Qur'an hingga kini. Khat juga telah diaplikasikan ke atas pelbagai media dan rupa bentuk, melalui karya-karya dan kreativiti manusia yang diilhamkan oleh Allah SWT. Begitu juga, khat yang dihasilkan di masjid-masjid, selain daripada bentuk (arabesques, corak geometri) menjadi tarikan dan dinikmati oleh mereka yang sujud dan tunduk mengerjakan ibadat. Penilaian dan pentafsiran kajian, yang dilakukan ke atas setiap khat mihrab masjid-masjid negeri di Malaysia adalah berbentuk pemerhatian dan penilaian foto visual yang di rakam di lapangan. Kajian ke atas 12 buah masjid-masjid negeri di Malaysia menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bertujuan untuk mengenalpasti seni khat, menganalisis proses penghasilan khat dan hubungkaitnya dengan Seni Visual. Dapatkan kajian menunjukkan seni khat yang di reka bentuk terdiri daripada khat Naskh 45%, Thuluth 35%, Kufi 15% dan Nastaliq 5%. Kajian juga mendapati tema nama Allah & Muhammad yang direka bentuk adalah sebanyak 61.5%, nama Allah sahaja 15.5% surah pendek dari Al-Qur'an, kalimah Tauhid dan Allahu Akbar sebanyak 23.0%. Sistem tulisan khat yang dicipta oleh penulis khat Arab 'Ibn Muqlah' pada kurun ke-9 adalah merupakan zaman kegemilangan khat Thuluth dan khat Naskh serta menjadi rujukan piawaiannya sehingga ke hari ini. Hasil kajian juga mendapati lima entiti seni visual daripada semua sampel khat yang terdapat di mihrab masjid-masjid negeri adalah: i). Elemen huruf dan perkataan terdiri daripada bentuk ukiran 2 & 3 Dimensi khat Naskh, Thuluth dan Riq'ah, ii). Kedudukan khat tertumpu kepada ruang cetek dan tidak ada wujudnya sudut pandangan perspektif, iii). Media jubin kerap digunakan kerana tidak mudah karat dan dimakan anai-anai, iv). Warna emas, putih dan hitam kerap menjadi pilihan apabila menggunakan warna atas khat dan v). Khat yang direka bentuk ditempatkan dalam komposisi di tengah bulatan atau memenuhi ruang segi empat.

**Kata kunci:** Kaligrafi, Khat, Masjid Negeri, Mihrab, Seni Visual

### **Abstract**

*Khat (Arabic calligraphy) is the most beautiful design in the Islamic arts, glorious and it can be seen in the Holy Qur'an until now. Khat has also been applied to a variety of media and art forms, through artworks and creativity inspired by Allah SWT. Similarly, khat that is produced in mosques, aside from (floral arabesques, geometric patterns) has become an attraction and appreciated by those who bow down in prayer. The evaluation and interpretation of the study, which was conducted on the khat designed on the mihrab mosques in Malaysia is by observation (directly in the mosque) and by evaluating the visual photo shoot on field. The study includes 13 mosques in the country using qualitative and quantitative approaches in order to identify Arabic calligraphy, to analyze the design process and its relationship with visual arts. The findings showed that the calligraphic designs consist of 45% Naskh, 35% Thuluth, 10% Kufic and 5% Riq'ah. This study also found that the names of Allah and Muhammad designed, is by 61.5%, but for only the name of Allah at 15.5%, a short chapter of the Quran, Tawheed and Allahu Akbar at 23.0%. The system created by the calligraphers 'Ibn Muqlah' in the 9th century was the golden age of calligraphy Thuluth and Naskh and was used as a reference for standards until today. This research also discovered five entities from all calligraphic*

## **2 Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual**

*samples in the mihrab of the mosques: i). Letters and word carvings consist of 2 & 3Dimensional calligraphic of khat Naskh, Thuluth and Riq'ah, ii). Position of the khat is focused on closed view and there is no existence as the perspective view, iii). Media tiles are often used as it will not be easily affected by rust and infested by termites, iv). Gold, white and black is often the color of choice when using khat and v). Khat is designed to be placed in the middle of the circle or rectangular filling space.*

**Keywords:** Calligraphy, Khat, Mosques, Mihrab, Visual Arts

### **PENGENALAN**

Seni khat adalah salah satu daripada kesenian Islam yang halus dan indah. Ia merupakan ilmu dan khazanah Allah SWT yang diajar kepada manusia melalui tulisan bersumberkan al-Qur'an. Keindahannya diabadikan pada bangunan, seramik, kaca, ukiran kayu, ukiran logam dan lain-lain bahan. Seni khat juga merupakan satu bidang yang paling tinggi pencapaiannya dalam kesenian Islam, sejak turunnya wahyu yang pertama kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan kepentingan seni khat mula kelihatan.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Alaq, maksudnya:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”

(Al-Alaq 96:1-5)

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa Allah SWT telah memerintahkan manusia agar menuntut ilmu sebagai bekalan hidup di dunia dan akhirat dan mengajar manusia ilmu pengetahuan melalui kaedah bacaan dan tulisan. Kaedah bacaan yang diajar oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui surah Al-Alaq di atas, telah melahirkan kaedah tulisan menerusi penulisan al-Qur'an di atas pelepas-pelepas tamar dan kulit-kulit binatang di awal kebangkitan Islam. Tulisan khat (kaligrafi Arab) merupakan satu wadah yang berfungsi sebagai alat komunikasi dan Rasulullah SAW menekankan kepentingan penulisan khat sebagai satu cara untuk menyampaikan urusan dakwah Islam dan maklumat. Seni dan reka bentuk Islam telah berkembang hampir ke seluruh pelusuk dunia, Timur Tengah (Arab Saudi, Mesir, Turki, Iraq, Syria), Selatan dan Tengah Benua Asia, Afrika Utara, Syria, China, Indonesia dan negara Barat. Kesenian Islam yang meliputi; seni catan, barang kemas, arca, textile, kraf tangan, seramik, kaligrafi, seni bina dan seni logam telah memberikan satu anugerah yang amat tinggi nilainya kepada peradaban manusia pada hari ini. Penemuan ‘Batu Bersurat Terengganu’ bertarikh 702 Hijrah/1303 Hijrah merupakan titik tolak bermulanya kesenian Islam yang dibawa oleh mubaligh Islam ke Malaysia dan menjadikan ia sebagai salah satu rujukan terawal reka bentuk khat. Batu Bersurat Terengganu berusia lebih kurang 700 tahun adalah merupakan batu bersurat yang mempunyai ukiran yang paling tua dan tulisan Jawi pertama ditemui di Malaysia. Isi teks batu bersurat ini mengenai undang-undang seorang raja. Catatan yang terkandung pada batu ini menyebut Islam sebagai agama rasmi dan menerangkan hukum-hukum Islam tentang maksiat dan segala kemungkaran.

### **SENI KHAT ISLAM**

Khat mengikut pengertian bahasa Arab bermaksud tulisan, lakaran atau baris. Khat juga bermaksud gambar perkataan dengan melukiskan huruf-huruf yang mengambil kira mula dan akhirnya. Ringkasnya khat itu ibarat roh di dalam tubuh seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama. Ternyata membaca dan menulis adalah perintah pertama dan wahyu permulaan Allah SWT yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW. Perkataan kaligrafi pula berasal daripada perkataan Yunani, kalios, yang bererti indah dan graphia yang bermaksud tulisan atau coretan (Abd Rahman 2011).

Abd Rahman (2011) menyatakan bahawa, “*Islamic calligraphy as one of the most unique form of arts and has a special place in the hearts of Muslims. In most of the mosques in the Islamic world, calligraphy is part and parcel of their interior design*” Pernyataan yang sama oleh Danby (1995), “*calligraphy is a dominant aspect of the decorative impression created by most Islamic buildings, especially mosques.*” Pereka bentuk kaligrafi Arab yang terkenal di dunia antaranya adalah Hasan Sirri, Yusuf Ahmad, Ahmed Moustafa dari Egypt dan Amin Barin dari Turki. Manakala dari negara Iraq ialah Hashim al-Baghdadi al-Khattat, Yusuf Dhannun, Hasan Qasim Habash. Daripada Syria antaranya Taufiq Tariq, Muhammad Zaki Mawlawi, Muhammad Subhi Khuja, Badawi Derani, Zuhair Menini, Abdulkader Arnaout, NamanZakri, Muhammad Kamil Faris, Muhammad Amin al-Soum, Hassan Abou Ayash, Nidal Kamal Tabbal dan Muhammad Rida Bilal. Seni khat orang-orang Arab, Parsi, dan Empayar Uthamaniyyah dikaitkan dengan motif abstrak arabes pada dinding dan siling masjid dan juga pada kitab. Tulisan atau gaya seni khat yang sering kali digunakan dalam penulisan dan hiasan motif kaligrafi antaranya ialah i). khat Kufi, ii). khat Thulus (Thuluth), iii). khat Naskh, iv). khat Riq’ah (Riqqa’), v). khat Diwani, khat Diwani Jali vi). Khat Muhaqqaq vii). Khat Tawqi dan viii). Khat Maghribi.

### **Khat Kufi**

Merupakan satu bentuk tulisan yang terawal pada akhir abad ke 7 Masihi dan ia berkait rapat dengan bandar Kufah di Iraq digunakan dengan meluas sehingga abad ke 12 Masihi (Eva, 1988; Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995; Abd Rahman, 2008). Ianya merupakan tulisan asas yang digunakan pada zaman awal Islam untuk menyalin Al-Qur'an. Ia bercirikan huruf-huruf yang berbentuk sudut dan ada juga berbentuk hurufnya yang bersegi atau murabba' (khat kubism) digunakan sebagai hiasan pada kubah, menara masjid, makam, dinding bangunan dan ditulis dalam bentuk ukiran timbul. Menurut Yasin (1978), khat berbeza dengan menegak yang rendah, garisan mendatar diperluaskan dan ia sengaja ditulis pada permukaan bujur, lebar yang jauh lebih daripada ketinggian, yang memberikan ia satu momentum dinamik tertentu. Reka bentuk setiap karakter khat telah dibuat dalam bentuk persegi dengan garis hitam berselang dengan warna putih dan menggunakan sistem yang sama seperti yang terdapat pada papan catur (Khaled 2013). Tidak ada peraturan piawaian khas apabila menggunakan khat Kufi, hanya ciri-ciri yang mudah iaitu sudut dan bentuk linear garisan. Menurut Yasin Hamid (1978), dan Abd Rahman (2008) ciri-ciri utama khat Kufi berukuran seimbang dengan sifat bersudut-sudut atau persegi dan garisan menegak pendek (misalnya huruf alif dan lam) serta garisan mendatar yang panjang (misalnya huruf dal dan kaf) dalam ukuran yang sama lebar. Manakala, khat Kufi terbahagi kepada empat kategori utama, iaitu: Kufi Kuno, Kufi Fatimi, Kufi Empat Segi dan Kufi Moden.

### **Khat Thulus (Thuluth)**

Thuluth adalah gaya penulisan yang bertenaga dan dengan memanjang menegak. Khat jenis hiasan yang elastik, dekoratif dan menarik dihasilkan pada kurun ke-7 dan lengkap pada kurun ke-9, semasa pemerintahan Khalifah Umayyad. Thuluth bermakna satu per tiga dan satu dari enam jenis tulisan khat Ibn Muqlah Shirazi juga dikenali sebagai raja khat iaitu gaya yang paling indah tetapi paling sukar menguasainya, direka bentuk semula oleh Ibn al-Bawwab dan Yaqtūn. Terbahagi kepada dua iaitu: Thulus biasa (penulisan pada permukaan yang kecil seperti buku, kulit buku, majalah, iklan dan menulis semula isi kandungan ayat al-Qur'an) dan Thulus Jali (permukaan besar seperti hiasan dalaman bangunan, pintu, masjid, kelambu Kaabah di masjid al-Haram) Yasin Hamid (1978), Wilson (1988) dan Abd Rahman (2008). Menurut Yasin (1978), Yaqtūn al-Mustasimi terlibat dalam stail baru daripada khat Thuluth yang dikenali dengan nama ‘Yaqtūni’.

### **Khat Naskh (Naskhi)**

Naskh juga dikenali sebagai Naskhi atau dalam bahasa [Turkish](#) dengan nama Nesih, adalah penulisan melengkung mudah yang digunakan dalam perutusan sebelum pakar khat mula menggunakanannya bagi penulisan Al-Quran. Ia adalah langsing dan lentur, tanpa sebarang penekanan tertentu, dan amat mudah dibaca. Khat yang mula direka bentuk semula oleh Ibn Muqlah Shirazi pada kurun ke-10. Khat yang jelas,

#### **4 Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual**

lembut, kemas, mudah di tulis dan di baca terutamanya untuk menulis kitab al-Qur'an, Hadith, Tafsir dan Fiqah. Naskh, yang bermaksud 'transkripsi', biasanya dilaksanakan menggunakan mata pen yang halus. Asalnya tulisan ini adalah dari ayat *nasakh* yang bermaksud 'salin'. Menurut Yasin Ahmad (1978) "It is always written with short horizontal stems, and with almost equal vertical depth above and below the medial line. The curves are full and deep, the uprights straight and vertical, the words generally well spaced". Menurut Abd Rahman (2008), khat Naskh terbahagi kepada dua iaitu Naskh Klasik dan Naskh Akhbar. Khat Naskh, bersama-sama dengan khat Ta'liq, juga terkenal dengan menghasilkan khat Nasta'liq, khat yang digunakan untuk menulis tulisan Urdu, Parsi, Punjabi, Kashmir, dan kadang-kadang Pashto dan Uyghur.

#### **Khat Riq'ah (Tawqi dan Riqa')**

Khat Riq'ah yang sangat awal betarikh dari abad ke-15 dan era awal Uthmaniyyah. Khat ini telah digunakan secara meluas untuk urusan rasmi dan kemudian menjadi gaya bersama tulisan tangan. Riq'ah berasal dari khat Diwani dan direka bentuk daripada strok pendek, menghasilkan huruf yang lebih lurus dan sudut daripada bulat. Ia tidak biasanya membawa *vocalization marks* dan ianya lebih mudah untuk belajar dan menulis daripada khat-khat lain. Khat Riq'ah adalah untuk dibezakan daripada khat Riqa' yang berkembang daripada khat Tawaqi' dan merupakan salah satu daripada tujuh khat klasik.

#### **Khat Diwani**

Khat Diwani telah dibangunkan oleh ahli kaligrafi Uthmaniyyah pada abad ke-16 dan mencapai puncak kejayaannya pada abad ke-19. Kebanyakkhan khat Diwani digunakan terutamanya untuk mendokumentasi. *During the Ottoman period, Syaikh Hamdullah (1436-1520) and other outstanding calligraphers refined several calligraphic scripts, even creating a new official script called 'Diwani', which was used for decrees, resolutions, endowments and other official documents. It was diwani because it was used for the official documents of the Sultan's diwan or council of ministers* (Moya 2012).



#### **Khat Muhaqqaq**

Muhaqqaq yang bermaksud 'teliti dihasilkan (*meticulously produced*)' telah dipiawaikan oleh Ibn Muqlah dan disempurnakan oleh Ibn al Bawwab dan Yaqt. Muhaqqaq juga bermaksud 'menyedari' atau 'disempurnakan' dan merupakan salah satu daripada dua gaya asal penulisan bahasa Arab. Sehingga abad ke-16 ianya telah digunakan secara meluas untuk menerangkan isi al-Quran kerana gaya agungnya dan kejelasannya. Sama seperti khat Nasakh, Muhaqqaq menjadi khat yang sangat popular untuk menyalin Al-Quran. Garisan keluk cetek dan mendatar dilanjutkan kelengkungan pertengahan huruf, serta digabungkan dengan padat perkataan-struktur, memberikan gerakan tulisan ke arah kiri. Khat ini merangkumi tulisan

yang agak sukar untuk menulis dengan garisan halus dan keluk lembut dan jenis yang lebih kesamaan dengan ciri-ciri kedua-dua Thuluth dan Nasakh.

## SENI BINA MASJID-MASJID NEGERI DI MALAYSIA

Reka bentuk senibina masjid-masjid negeri di Malaysia yang unik dan moden menjadi simbol keagungan Islam amatlah berbeza antara satu sama lain dari segi gaya, pengaruh dan reka bentuk dalamannya. Mimbar, mihrab, menara, dewan solat dan kubahnya sehingga kepada bilik wudhu. Motif-motif seni geometri, *floral arabesque* dan khat yang dihasilkan pula, turut berlaku peningkatan ke atas reka bentuknya dan susun aturnya.



Rajah 2 Khat Kufi dan Khat Thuluth yang terdapat di masjid Negara Wilayah Persekutuan

### Mihrab

Mihrab atau dikenali dengan nama ‘maqssurah’ merupakan struktur penting dalam sesebuah masjid dan dibina berhadapan dengan dewan solat utama yang menandakan arah qiblat yang mengarah ke Baitullah, Mekah. Mihrab dijadikan tempat imam memimpin dalam mengerjakan solat jumaat. Setengah lingkaran atau *arc* pada mihrab dihiasi dengan ukiran motif-motif geometri, *arabesque* atau khat. Reka bentuk yang ada menggambarkan keindahan, serta keagungan Tuhan Yang Maha Berkusa di setiap sudut dan keindahan agama Islam tersebut. Pada sebelah kanan mihrab terletaknya mimbar iaitu ruang ‘khatib’ membacakan khutbah solat jumaat. Tangga mimbar kerap dihiasi dan di reka bentuk dengan motif geometri dan *arabesque*. Motif-motif geometri, arabesque dan khat menghiasi setiap ruang di bahagian tangga serta kubah kecil dari tangga pertama sehingga tangga yang akhir yang membentuk corak pada setiap permukaannya.

### SENI VISUAL (Asas Seni Reka)

Asas Seni Reka dalam seni visual merujuk kepada Unsur Seni dan Prinsip Seni. Unsur-unsur seni yang terdiri daripada garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang, dan warna. Manakala di dalam prinsip rekaan

## **6 Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual**

penekanan kepada: harmoni, kontra, penegasan,imbangan, irama dan pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan. Memahami semua unsur seni dan prinsip rekaan dalam Asas Seni Reka membantu dalam proses penghasilan karya dalam seni visual. Begitu juga, peningkatan dalam pemahaman unsur seni dan prinsip rekaan melalui penggunaan pelbagai alat, media dan teknik membantu dalam penghasilan karya seni visual. Setiap reka bentuk yang dihasilkan hendaklah terdiri daripada satu atau lebih elemen asas – garisan, rupa, jalinan, ruang, saiz, dan nilai. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya seni khat boleh dikaitkan dengan pendekatan unsur dan prinsip seni. Knobler (1985) pula mendapati, asas bagi setiap objek seni visual ialah tumpuan yang memerlukan seniman membuat keputusan tentang bilangan dan jenis unsur yang akan digunakan dan cara bagaimana unsur-unsur ini hendak diatur. Campuran daripada unsur-unsur yang dipilih yang akan memberikan makna kepada hasil karya.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi mengenalpasti hubungkaitnya reka bentuk seni khat dalam masjid-masjid negeri di Malaysia dengan seni visual. Reka bentuk kajian adalah kajian di lapangan. Data dikumpul melalui senarai semakan pemerhatian dari dapatan foto visual. Tujuan utama reka bentuk kajian di lapangan adalah untuk mengumpul seberapa banyak khat yang terdapat dalam masjid-masjid negeri di Malaysia, terutamanya di bahagian Mimbar dan Mihrab. Seni khat tersebut yang diambil oleh pengkaji iaitu yang hanya terdapat di masjid-masjid negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Pendekatan kuantitatif dalam kajian ini, sesuai digunakan bagi mengumpul data yang dinilai, dalam masa yang sama juga data yang diambil boleh memberi kesan ke atas kajian yang dibuat oleh pengkaji bagi menganalisis dari sudut seni visual.

**Jadual 1** Senarai nama masjid-masjid negeri di lapangan yang dipilih oleh penyelidik

Bil.	Negeri	Nama Masjid
1	Kelantan	Masjid Muhammadi, Kota Bahru
2	Terengganu	Masjid Abidin, Kuala Terengganu
3	Pulau Pinang	Masjid Negeri, Butterworth
4	Negeri Sembilan	Masjid Negeri, Seremban
5	Wilayah Persekutuan	Masjid Negara
6	Melaka	Masjid Al-Azim, Bandar Melaka
7	Johor	Masjid Negeri Sultan Abu Bakar, Johor Bahru
8	Sabah	Masjid Negeri, Kota Kinabalu
9	Selangor	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
10	Perak	Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh
11	Pahang	Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan
12	Sarawak	Masjid Negeri, Kucing
13	Kedah	Masjid Zahir, Alor Setar

*Sumber:* Penyelidik di lapangan 2016

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatkan data dari lapangan yang diperolehi oleh penyelidik menunjukkan bahawa reka bentuk khat yang digunakan di setiap masjid-masjid negeri di Malaysia mempunyai nilai-nilai estetik dan kreativitinya yang tersendiri. Walaupun dilihat mempunyai ciri-ciri dan karakter khat yang hampir sama dengan tema nama-nama Allah SWT dan Muhammad SAW yang direka bentuk. Persoalan kajian pertama ialah berkaitan reka bentuk seni khat Islam di masjid-masjid negeri di Malaysia. Dapatkan data yang diperolehi merujuk kepada pengambilan foto di bahagian mihrab masjid.

### Dapatan Persoalan 1. Apakah reka bentuk seni khat dari mihrab masjid-masjid negeri di Malaysia?

Secara keseluruhannya, hasil dapatan data kajian di lapangan yang dijalankan, menunjukkan seni khat Islam yang di Islam 5%.   reka bentuk di masjid-masjid negeri Malaysia adalah terdiri daripada seni kaligrafi khat Naskh 45%, khat Thuluth 35%, khat Kufi 10% dan khat Nastaliq 5%. Kajian juga mendapat tema nama-nama Allah SWT dan Muhammad SAW yang direka bentuk adalah sebanyak 61.5% manakala, nama Allah sahaja 15.5% tema lain seperti dari surah pendek kitab Al-Qur'an, kalimah Tauhid dan Allah huAkhbar sebanyak 23.0%.

### Dapatan Persoalan 2. Bagaimanakah proses reka bentuk seni khat dari mihrab masjid-masjid negeri di Malaysia dihasilkan?

Seni kaligrafi adalah salah satu sistem alternatif komunikasi yang memberikan makna dari bahasa yang diucapkan melalui tulisan tangan. Manakala, muka taip tulisan kaligrafi Arab boleh diklasifikasikan kepada tiga kumpulan sistem tulisan utama yang dicipta oleh penulis khat Arab "Ibn Muqlah" pada kurun ke-9: (a) Nizam Al-Dairah (b) Nizam Al-Nuqaṭ dan (c) Nizam Al-Tashabuh. Khat Nizam Al-Nuqaṭ adalah yang paling kerap digunakan dalam sistem tulisan kaligrafi Arab untuk gaya kaligrafi antaranya khat Kufi, Naskh, Thuluth, Diwani, Persan, Riq'ah, dan Maghribi. Reka bentuk tradisional kaligrafi Arab pada peringkat awalnya adalah atas kepercayaan kepada tradisi agama Islam dan budaya komuniti Arab. Gaya penulisan khat ini menunjukkan dan mencerminkan dari kalam Allah SWT yang terkandung dalam kitab Al-Qur'an. Orang Islam percaya bahawa kata-kata ini diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan telah ditulis semula oleh guru-guru agama Islam dengan menggunakan tulisan kaligrafi Arab. Bahasa dan tulisan Arab adalah bahasa Al-Qur'an dan ayat-ayat kandungannya digunakan untuk menyatakan Firman Allah dan juga Hadis yang mencatatkan perkataan dan tindakan Nabi Muhammad, kata-kata ini masih kekal hingga ke hari ini dan dianggap mulia dan ditulis semula dengan merujuk kepada sumber yang sahih. Menulis tulisan kaligrafi Arab memerlukan latihan yang berterusan agar proses tersebut dapat melembutkan pergerakan jari dan tangan bagi memperolehi rupa bentuk khat yang menarik, cantik dan difahami akan isi kandungannya. Peringkat awal proses menghasilkan tulisan Arab ianya bermula dengan; i). garis pusat bulatan yang sama ukurannya dan dibahagikan pula kepada empat bahagian yang sama besar, ii). bulatan-bulatan kecil dan rupa *rhombic* yang sama dan kecil digunakan sebagai unit perkadarannya dengan bilangan ganjil dan genap seperti 7, 6, 5, 4, 3, 2 dan 1. Di mana merujuk kepada sistem geometri dan matematik yang kompleks Ibn Muqlah seperti dot berbentuk *rhombic*, Alif dan bulatan.

'*Thy Lord is the Most Bounteous. Who teacheth by the pen. Teacheth man that which he knew not*'. (The Qur'an. Surah Al-Alaq. 96:3-5). Menurut Syed Mokhtar dalam Heba (2003), '*Behind the swift strokes and delicate nuances of the art of calligraphy, Islamic faith and beliefs are revealed through the understanding and the reflection of meanings behind the chosen words. Calligraphy will always play a crucial role in manifesting the Word of God (the Word above all Words) and thus assuring its dominance over all other art forms in Islam.*'

**8 Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual**



**Rajah 3** Huruf tulisan kaligrafi Arab khat Thuluth bagi nama Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW  
Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/359373245246389380/>

**Dapatan Persoalan 3. Apakah reka bentuk seni khat dari masjid-masjid negeri di Malaysia dikaitkan dengan seni visual?**

Dua entiti yang paling utama dalam seni visual adalah Unsur Seni dan Prinsip Rekaan. Adakah unsur-unsur seni yang terdiri daripada: garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang, warna dan prinsip rekaan seperti: harmoni, kontra, penegasan, imbalan, irama dan pergerakan, kepelbagai dan kesatuan boleh dilihat dalam tulisan kaligrafi Arab? Identiti budaya Arab dan tradisi agama Islam telah dan secara langsung mempunyai kaitan dengan reka bentuk asal 28 huruf seni tulisan kaligrafi Arab semenjak kurun ke 7 lagi. *The calligrapher is inspired in soul and hand to the noble act writing the words of God, Allah guides him until he himself becomes merely the tool in God's Hand. Emanating from the heart and soul of the calligrapher, these messages carry with them eternal divine inspirations* (Heba, 2003).

Beberapa hasil kerja kaligrafi Islam yang tersohor antaranya seperti Ibn Muqla (886-940), Ibn al-Simsimi, Ibn Asad, Abu al-Hasan Ali ibn Hilal atau Ibn al-Bawwab dan Yaqt al-Musta'simi (Yasin 1978), banyak tersimpan dalam muzium, masjid dan perpustakaan di seluruh negara Islam termasuklah di negara Eropah dan Amerika. Tidak dinafikan ada antara hasil seni khat yang tidak dapat dihasilkan semula walaupun menggunakan perisian komputer kecuali oleh pereka seni khat yang asal seperti khat Diwani dan Jeli Diwani. Hari ini, orang-orang Barat sering memperkatakan keindahan abstrak yang terdapat dalam seni khat kaligrafi Arab, tetapi hakikatnya dari sudut pandangan Islam khat ini tiada kena mengena langsung dengan seni atau tulisan abstrak. Ianya tidak lebih hanyalah punca kepada *spiritual* dan amalan politik dikalangan kehidupan manusia sejagat. ‘*The most highly esteemed art form in Islamic Culture is calligraphy, primarily because of its significant role in transcribing the word of Allah, as written in the Qur'an*’ (Moya, 2012). Menurut Syed Mokhtar Albukhary dalam Heba (2003) menyatakan bahawa, “*Arabic calligraphy on objects of art is often admired for its beauty, harmony and fine workmanship. However, the role of calligraphy goes beyond adorning surfaces of artworks to explore the meanings of calligraphy composed on art objects*”. Bermulanya penaklukan dan perluasan agama Islam dari negara Sepanyol, sehingga ke negara India dan China, kaligrafi Arab dilihat sebagai satu simbol yang mewakili kepada elemen-elemen kesepadan, keindahan dan kekuasaan. Agama Islam terbukti sebagai satu agama yang mempunyai kepercayaan kepada elemen kesepadan dan ini boleh dilihat dari expressi seni rupa yang terdapat dalam tulisan kaligrafi Arab. Jelas menunjukkan, penampilan khat adalah hubungan antara Islam, Arab dan identiti Turki. Menurut Syed Mohamed Albukhary dalam Heba (2003) menyatakan bahawa, ‘*Everyone who lives through the water of life of the pen, will not die, but remains alive as long as life exists*’.

Tidak seperti kaligrafi Arab lama, yang digunakan untuk ditulis dengan menggunakan dakwat dan pen atau buluh kering, hari ini kaligrafi moden menggunakan bahan-bahan yang berbeza, seperti warna akrilik, warna air dan warna minyak.

**Jadual 2** Reka bentuk seni khat di masjid-masjid negeri di Malaysia dan kaitannya dengan seni visual

Bil.	Masjid/Tahun	Khat	Seni Visual
1.	Masjid Al-Azim, (1990), Melaka		Garisan huruf khat Naskh ( <i>rhombic dot 7</i> perkadaran) timbul ( <i>emboss 3Dimensi</i> ) mendatar Media atas batu Huruf warna <i>medium gold</i> dan berlatar belakangkan <i>plain</i> warna hitam dalam ruang segi empat melekat pada bahagian dalam mihrab
2.	Masjid Negara, (1965), Kuala Lumpur		Garisan huruf khat Thuluth (11 <i>rhombic dot</i> perkadaran) ukiran timbul ( <i>emboss 3Dimensi</i> ) mendatar Huruf warna <i>light gold</i> dan berlatar belakangkan flora warna <i>dark green</i> dalam ruang segi empat diletakkan bahagian atas mihrab
3.	Masjid Al-Muhammadi, (1867), Kelantan		Garisan huruf khat Naskh ( <i>7 rhombic dot</i> perkadaran) timbul ( <i>emboss 3Dimensi</i> ) mendatar Huruf warna <i>light gold</i> dan berlatar belakangkan geometri rupa segi lima warna hitam dalam bingkai ruang bulatan di luar kanan mihrab
4.	Masjid Abidin, (1793-1808), Terengganu		Garisan huruf khat Thuluth ( <i>ukiran 2 Dimensi</i> ) mendatar. Alif di tengah dan huruf warna khat dicat dengan <i>medium gold</i> dan berlatar belakangkan warna coklat dalam ruang ukiran bunga bingkai bersegi empat
5.	Masjid Negeri Sultan Abu. Bakar, (1900), Johor	<i>Renovation</i>	

**10** Seni Kaligrafi (Khat) di Mihrab Masjid-Masjid Negeri Malaysia dan Hubungannya dengan Seni Visual

6. Masjid Sultan Ahmad  
1 (1991), Pahang



Garisan huruf khat Naskh (*ukiran 2Dimensi*) mendatar dan bersudut  
Huruf warna khat dengan *medium blue* dan berlatar belakangkan warna putih dalam ruang atas *column* kanan mihrab

7. Masjid Zahir (1912),  
Kedah



Garisan huruf khat Thuluth (*ukiran 2Dimensi*) *circle*  
Huruf warna khat dengan *medium chocolate* dan berlatar belakangkan warna putih dalam ruang bulatan di luar kanan dan kiri mihrab

8. Masjid Sultan Idris  
Shah II. (1968), Perak



Garisan huruf dua nama Allah khat Naskh (*ukiran 2Dimensi*) atas kaca dan tile  
Huruf warna khat hitam dan *gold* serta berlatar belakangkan warna putih dalam ruang tingkap yang berbunga di atas kanan mihrab

9. Masjid Negeri Pulau  
Pinang. (1979)



Garisan huruf khat Naskh (*7 rhombic dot* perkadaran) *ukiran 2Dimensi*) mendatar atas tile  
Huruf warna *light green* dan berlatar belakangkan warna hijau dalam bingkai ruang bulatan di luar kanan mihrab

10. Masjid Negeri  
Sembilan. (1966)




Garisan huruf khat Thuluth, ukiran kayu timbul (*emboss 3Dimensi*) mendatar  
Media atas kayu  
Huruf warna chocolat dan berlatar belakangkan *plain* warna chocolat dalam ruang segi bulatan pada bahagian atas mihrab

11. Masjid Negeri Sabah.  
(1975)



Garisan huruf khat Thuluth (*11 rhombic dot* perkadaran *2Dimensi*) ukiran tile kecil-kecil  
Huruf warna *light gold* dan berlatar belakangkan warna *dark blue* dalam ruang segi bulatan diletakkan bahagian atas luar mihrab

- 12 Masjid Negeri Sarawak. (1990)



Garisan huruf khat Kufi dan Riq'ah ukiran 2Dimensi mendatar Huruf warna *hitam* dan berlatar belakangkan warna *putih* dalam ruang segi empat diletakkan bahagian atas mihrab. Riq'ah adalah khat dengan gaya daripada Naskh dan Thuluth.

- 13 Masjid Sultan Salahuddin, (1988) Selangor



Huruf khat Thuluth, ukiran (*emboss* 2Dimensi) mendatar Media atas tile batu Huruf warna hitam dan berlatar belakangkan warna putih dalam ruang segi bulatan pada bahagian atas mihrab.

*Sumber:* Penyelidik ke lapangan 2016 (Masjid-masjid negeri di Malaysia)

Khat merupakan hasil seni visual yang paling cantik, gah serta ianya terbukti dan dapat dilihat hasilnya dalam kitab suci Al-Qur'an. Tidak ada sesiapapun yang dapat meniru dan mengubahsuai isi kandungan Al-Qur'an. Khat juga dapat diaplikasikan ke atas pelbagai media dan rupa bentuk oleh tangan-tangan manusia yang dilahirkan oleh Allah SWT kepada manusia, kenapa? Ini adalah kerana kejadian manusia itu adalah sebaik-baik dan sempurna yang dapat menyampaikan segala maklumat atas bumi Allah SWT ini kepada manusia. Tangan-tangan manusia dengan kepandaian yang diberi kepada manusia hasil daripada ilmu yang disampaikan melalui tulisan menggunakan pena atau kalam. Semua ilham atau kalam yang disampaikan oleh Allah SWT ditulis dengan pena oleh para sahabat di atas pelepas daun, batu, pelepas tamar dan kulit binatang.

Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Qalam, maksudnya:

“Nuun. Demi Pena dan apa yang mereka tulis, Engkau (wahai Muhammad) – dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu – bukanlah seorang gila (sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik, bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana)”.  
(Al-Qur'an, Al-Qalam 68: 1-2)

Segala hasil kesenian yang dihasilkan di tempat yang suci (masjid) agar dapat dinikmati oleh mereka yang sujud dan tunduk sambil menikmati penciptaan seni yang disampaikan oleh Allah dalam bentuk arabesque, corak geometri dan kaligrafi, apabila berada di dalam masjid. Manusia memerlukan bukti apa yang dinyatakan dalam kitab Al-Qur'an. Allah SWT menyampaikan dan dilakukan oleh mereka-mereka yang mendapat ilmu kepada generasi yang baru daripada generasi lama yang mahir dan berpengetahuan dari dulu hingga hari ini. Generasi baru ini tidak dapat menandingi generasi yang terdahulu yang cukup mendalam ilmu mereka dalam seni khat turun-temurun yang dipilih oleh Allah SWT. Kepandaian ilmu yang dimiliki oleh generasi yang lama dapat dimanfaatkan kepada seluruh makhluk dari dulu hingga hari ini. Apakah yang menyebabkan kalimah Muhammad SAW sahaja yang terdapat di bahagian mihrab masjid? Kerana kalimah itu adalah kekasih Allah, tidak boleh dipisahkan, yang sangat disayangi dan dicintai. Seluruh pegangan oleh empat mazhab Imam As-Shafei, Imam Maliki, Imam Hambali dan Imam Ghazali mempercayai bahawa Nabi Muhammad SAW itu tidak boleh dipisahkan di dalam masjid.

## Kesimpulan

*Calligraphy is a vital part of the mystery which is attached to the religion. So, it is in a real sense a sacred art* (Zahra, 2015). Makna dan pentafsiran yang terdapat dalam khat di masjid-masjid negeri adalah berdasarkan kepada reka bentuk melalui penciptaan yang sedia ada (khat, geometri atau *arabesques*) dan tafsiran tanda-tanda (simbol-iaitu huruf atau perkataan yang dihasilkan). Iaitu apa sahaja yang di tafsirkan oleh seseorang boleh menjadi tanda atau simbol selagi seseorang itu menafsirkan sebagai - merujuk kepada sesuatu yang lain daripada pendapat dirinya sendiri. Tanda mengambil kira dari reka bentuk perkataan, imej, bunyi, atau objek dan sebagainya. Oleh itu, makna kaligrafi atau gaya reka bentuk khat tertentu dalam tulisan kaligrafi Arab bergantung kepada bagaimana mereka menggunakan, memperkenalkan dan memikirkannya bagi tempoh masa yang tertentu dalam konteks penggunaannya. Sebagai contoh, gaya khat Kufi yang dianggap suci dan dipandang tinggi oleh masyarakat Arab, telah digunakan untuk menulis ayat Al-Quran dari kurun ketujuh sehingga akhir abad kesembilan. Manakala gaya khat Naskh pula, pada masa itu telah digunakan hanya untuk menulis dalam pendekatan sekular dan komersial. Natijahnya, pada abad kesepuluh, khat Naskh telah dipertingkatkan dan ianya telah digantikan dengan gaya khat Kufi yang menjadi kaligrafi piawaian bagi tujuan penulisan ayat Al-Quran. Semenjak dari itu, khat Naskh telah diberikan makna baru dan ia tidak lagi dengan gaya reka bentuk yang biasa. Hari ini, khat Naskh dianggap sebagai salah satu gaya kaligrafi tulisan Arab yang paling elegan dan dihormati dan sangat meluas penggunaannya.

Makna dan tafsiran tulisan kaligrafi Arab juga menunjukkan sikap masyarakat ke arah penulisan dan kepentingan teks dalam kehidupan seharian. Tulisan kaligrafi Arab menyediakan imej yang mempunyai kepentingan budaya, sosial, dan sejarah yang agak mustahil untuk membuat salinan (tiruan) dalam apa-apa cara lain. Seni khat tradisional Arab meluahkan identiti budaya Islam dan amat berkesan dalam menggalakkan kepercayaan dan tradisi umat Islam yang diwarisi turum temurun. '*Islamic calligraphy in all its beautiful, intelligent and harmonious forms reflects the highly spiritual characteristics of the Islamic faith. The splendour of the art of calligraphy goes beyond their physical manifestation on Islamic objects to reveal the depths of meanings behind the beauty of the words*' (Heba, 2003).

Secara keseluruhannya daripadauraian di atas, apabila dapatkan kajian dihubungkaitkan dengan seni visual penyelidik mendapati lima kategori daripada semua khat yang terdapat di mihrab masjid-masjid negeri adalah;

- i. Unsur huruf dan perkataan terdiri daripada bentuk ukiran 2Dimensi dan 3Dimensi yang menggunakan tema yang sama Allah & Muhammad dengan tulisan khat Naskh, Thuluth dan Riq'ah. Dari aspek tipografi, proses mereka bentuk khat bagi setiap huruf dihasilkan dengan begitu teliti, teratur, kemas, seimbang, harmoni dan cantik susun atur setiap huruf.
- ii. Garisan-garisan yang digunakan menegak, mendatar dan bersudut dengan saiz garisan huruf yang berbeza-beza dan apabila menentukan komposisi di tengah-tengah setiap huruf seperti yang terdapat dalam sistem piawaian reka bentuk khat Ibn-Muqla. Kedudukan khat amat penting sekali dan pemilihan pereka bentuk lebih tertumpu kepada pandangan tertutup dan tidak ada wujudnya sudut pandangan perspektif.
- iii. Bagi menentukan tempoh-hayat khat tersebut di dalam masjid, pemilihan bahan media atas batu, kayu, jubin dan kaca di ambil kira. Media jubin adalah merupakan bahan yang kerap digunakan kerana tidak mudah karat dan dimakan anai-anai.
- iv. Kepelbagaiannya daripada enam warna atas sampel iaitu: hitam, putih, coklat, hijau, biru dan emas. Warna emas, putih dan hitam kerap menjadi pilihan apabila menggunakan warna atas sampel. Adalah amat penting sekali perlantakan warna di bahagian hadapan dan warna latarbelakang yang ditentukan dengan suasana sosio-budaya komuniti setempat yang berlatarbelakangkan politik dan kebudayaan.

- v. Kebanyakan khat yang direka bentuk ditempatkan dalam komposisi atau kedudukan di tengah bulatan atau memenuhi ruang segi empat dengan sedikit hiasan dikeliling sampel atau di bahagian latar belakang.

## Rujukan

Al-Qur'an

Abd Rahman Hamzah. (2011). *Islamic inscription in mosques: the forms and meanings*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Ahmadrashidi Hasan, Mizan Hitam & Abd Rasid Ismail. (2013). *Islamic art in the Malay world*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.

Danby, M. (1995). *Moorish style*. London: Phaidon Press Limited.

Eva Wilson. (1988). *Islamic designs*. London: The British Museum Press.

Heba Nayel Barakat. (2003). *Al-Kalima*. Kuala Lumpur: The Islamic Arts Museum Malaysia.

Khaled Alnajdi. (2001). Reforming Arabic Calligraphic: for computer art and design in Kuwaiti Art Education. Tesis Dr. Fal. Philadelphia: The Pennsylvania State University.

Khaled Azzam. (2013). *Arts & crafts of the Islamic lands. principle. materials. practice*. London: Thames & Hudson.

Knobler, N. (1985). *Dialog seni tampak*. Terj. Zakaria Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Mohd Nor. (1995). *Aspek-aspek kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moya Carey. (2012). *An illustrated history of Islamic art & design*. Leicestershire: Anness Publishing Ltd.

Wan Abdul Kadir & Hashim Awang AR. (1997). *Seni dan kosmologi Islam dalam kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Wilson, E. (1988). *Patterns book of Islamic design*. London: The British Museum Press.

Yasin Hamid Safadi. (1978). *Islamic calligraphy*. London: Thames and Hudson Ltd.

Zahra Ahmed Al-Zadjali. (2015). The influence of Islamic Arts on Omani weaving motifs. *World Academy of Science, Engineering and Technology* Vol: 9 2015-09-01.